# MENDAKAP KEINDAHAN GUNUNG FUJI DI JEPUN

**Sepanjang** hidup penulis, tidak pernah terjangkau dek akal fikiran penulis untuk mendaki Fujiyama di Jepun. Fujiyama, atau dikenali sebagai Gunung Fuji, merupakan gunung tertinggi di Jepun yang terletak di sempadan Shizuoka dan Yamanashi, di sebelah barat Tokyo. Gunung Fujiyama dikelilingi oleh tiga kota iaitu Gotemba (timur), Fuji-Yoshida (utara) dan Fujinomiya (barat daya). Setiap hari apabila cuaca cerah, penulis dapat melihat puncak Gunung Fuji dari tempat penginapan di Shizuoka.



Mendaki Gunung Fuji bukanlah satu perkara yang hebat tetapi sangat luar biasa bagi diri ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kali terakhir penulis mendaki gunung ialah pada 20 tahun dahulu. Gunung Fuji memiliki ketinggian 3776 meter. Perjalanan saya ke Jepun pada awalnya bertujuan untuk menemani anak yang bertugas di Shizuoka, Gotemba.

Cadangan untuk mendaki Gunung Fuji tercetus apabila seorang sahabat yang bermastautin di Jepun, Dr. Azlinda, mengajak penulis untuk mendaki Gunung Fuji. Pada mulanya, jawapannya tentulah "tidak", tetapi entah mengapa tiba-tiba hati ini terpanggil untuk mencuba. Tanpa sebarang persediaan dari segi mental, fizikal dan pakaian yang sesuai, saya bersetuju untuk melakukan pendakian.

Sehari sebelum tarikh pendakian, penulis melakukan persediaan dengan berjalan kaki lebih kurang 11 ribu langkah dan membeli sarung tangan di kedai berdekatan. Penulis tidak memiliki kasut yang sesuai untuk mendaki gunung dan harga kasut di Jepun agak





Kabus tebal ketika mendaki Gunung Fuji.




Jadual bas ke Gunung Fuji.

mahal dan tidak termasuk dalam senarai perbelanjaan. Maka itu, penulis hanya memakai kasut untuk berjalan jenama Sketchers untuk mendaki gunung.

Untuk pergi ke Gunung Fuji, pengunjung perlu ke Fuji-Subaru Line 5th Station, sama ada melalui kereta api ataupun dengan menaiki bas. Penulis memilih untuk menaiki bas dari Stesen Gotemba ke Stesen Mount Fuji dan menaiki bas dari Stesen Mount Fuji ke Fuji-Subaru Line 5th Station. Kedua-dua perjalanan bas ini memakan masa hampir tiga jam. Sebaik sahaja tiba di 5th Station, penulis bertemu Dr. Azlinda yang berpakaian lengkap seperti seorang pendaki profesional.

Penulis terpaksa membeli baju hujan di Stesen Gunung Fuji kerana hujan dan kami perlu memulakan pendakian. Terdapat beberapa kedai di sana yang menjual barangan untuk cenderahati dan keperluan pendakian. Walau bagaimanapun, harga di situ lebih mahal berbanding di pasar raya. Harga satu botol air mineral di pasar raya biasa ialah 100 yen, manakala

di Stesen Gunung Fuji harganya mencecah 200 yen. Bagi para pembaca yang berhasrat untuk mendaki Gunung Fuji, dinasihatkan untuk membawa bekalan air yang mencukupi.

Bagi pengunjung yang ingin mendaki Gunung Fuji, terdapat beberapa laluan denai yang dapat diikuti oleh pendaki. Kami memilih denai yang dikatakan paling mudah, iaitu Yoshida Trail. Sepanjang pendakian, cuaca memang tidak dapat diramal. Kami perlu menempuh cuaca hujan, berkabus dan panas terik di sepanjang pendakian. Tidak lama selepas kami berjalan, penulis tidak dapat melihat rakan di hadapan disebabkan oleh kabus yang sangat tebal. Kelihatan samar-samar curam yang sangat tinggi dan hanya kelihatan bayangan satu dua susuk tubuh manusia di hadapan penulis.

Pada ketika itu, mula terbayang di benak penulis, berita seorang ibu terjatuh ketika mendaki Gunung Fuji. Perasaan seram sejuk dan keinginan untuk berpatah balik sangat tebal di dalam hati. Kemudiannya, perlahan-lahan penulis mendengar suara rakan memanggil. Mungkin dia pun berasa takut. Namun begitu, tidak lama selepas itu, tiba-tiba cuaca menjadi cerah dan kelihatan pendaki lain, seolah-olah kabus ditiup jauh dari kawasan pergunungan itu.

Beberapa ketika sewaktu mendaki, cuaca menjadi panas terik dan penulis terpaksa membuka pakaian panas dan berasa amat dahaga. Pendakian sangat memenatkan dan kami kerap kali berhenti untuk membasahkan tekak. Sebagai panduan, apabila dahaga ketika mendaki jangan minum dengan banyak tetapi sekadar untuk menghilangkan dahaga. Kebanyakan pendaki Jepun sudah berumur meneruskan pendakian secara perlahan-lahan. Hal ini menyuntik semangat penulis untuk terus mendaki.

Pendaki amatur digalakkan untuk membeli tongkat bagi memudahkan pendakian kerana keadaan tanah yang licin boleh menyebabkan seseorang tergelincir. Kami tiba di pondok penginapan di stesen ketujuh iaitu pondok Hana Goya pada pukul 7 malam. Walaupun kepenatan, kami tetap berasa gembira kerana semakin



Laluan mendaki Gunung Fuji.



Pemandangan indah di Gunung Fuji.






Stesen penginapan untuk pendaki merehatkan diri di Gunung Fuji.




Pengunjung dinasihatkan tidak membuat bising di stesen penginapan.



Keindahan panorama Gunung Fuji.

hampir ke pondok kami, iaitu pondok keempat. Pendakian masih jauh rupanya. Mujurlah, sebagai pendaki yang berpengalaman, Dr. Azlinda membawa lampu suluh sebagai panduan ketika mendaki gunung.

Dalam kegelapan dan kesejukan malam, kami memanjat bongkah batu untuk sampai ke pondok keempat. Mujurlah penulis membeli sarung tangan kerana penggunaan sarung tangan amat penting ketika mendaki pada waktu malam yang dingin. Akhirnya pendakian yang bermula pada pukul 3 petang berakhir pada pukul 9 malam apabila kami selamat tiba di pondok penginapan Kamaiwakan. Tempahan awal telah dibuat dan harga penginapan di sini ialah 6500 yen semalaman tidak termasuk makanan. Dr. Azlinda membawa bekalan untuk makan malam kerana tidak berani mengambil risiko untuk membeli makanan di sana yang dikhuatiri tidak halal. Walau bagaimanapun, bagi pendaki yang tidak membawa bekalan makanan boleh membeli mi segera, roti dan telur rebus. Malah, terdapat juga makanan sayur-sayuran yang disahkan halal.

Apabila tiba ke destinasi, kami disambut mesra oleh pekerja di Kamaiwakan. Kami diminta untuk tidak membuat bising kerana akan mengganggu pengunjung lain. Jadi berbisik-bisiklah kami sambil menikmati bekalan makanan enak yang dimasak oleh Dr. Azlinda. Tempat tidur di sini kelihatan seperti dormitori, iaitu terdapat katil atau pangkin panjang dua tingkat yang dapat menampung tiga puluh pendaki. Kami beruntung kerana pada malam itu, hanya kami berdua ditempatkan di bilik itu. Hal ini mungkin disebabkan rakan saya telah membuat tempahan dengan lebih awal. Jika tidak, mungkin kami akan menginap dengan pendaki lelaki.

Di sini turut disediakan beg tidur, bantal dan selimut tebal. Walau bagaimanapun, semua itu tidak dapat menghilangkan kesejukan yang dialami penulis. Penulis terpaksa berbungkus dengan baju tebal dan tidur memakai sarung tangan dan stoking. Penulis membuat keputusan untuk tidak meneruskan pendakian ke puncak dan akan menuruni gunung keesokan paginya. Rakan penulis dengan penuh semangat meninggalkan pondok penginapan pada pukul 1 pagi untuk menawan puncak Fuji.

Penulis berasa syukur apabila melihat matahari terbit dari Kamaiwakan pada keesokan harinya. Keindahan yang tidak mampu diucapkan dengan kata-kata, melainkan ungkapan *Alhamdulillah*. Buat pertama kalinya dalam hidup penulis ini berjaya mendaki Gunung Fuji dan dapat melihat keindahan ciptaan Tuhan. Penulis secara bersendirian menuruni Gunung Fuji dengan perasaan gembira dan puas. Percutian ke Gotemba pada kali ini bukan sekadar dapat memerhati Gunung Fuji dari jauh, bahkan berpeluang mendakap keindahan dan keunikan gunung tersebut.